

Nota Penyelidikan / Research Note

**Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Perilaku dan Prestasi Akademik
Pelajar Sekolah Menengah di Bachok, Kelantan**

**Emotional Intelligence and Its Relationship with Behaviour and Academic Performance of
Secondary School Students in Bachok, Kelantan**

CHAN SIOK GIM & RODZIAH MOHAMAD NOR

ABSTRAK

Satu kajian telah dijalankan dengan kaedah survey untuk mengenal pasti pertalian antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Sejumlah 100 orang pelajar Tingkatan 4 daripada SMK Jelawat, Bachok, Kelantan telah ditadbirkan soal selidik yang mengukur lima jenis kecerdasan emosi iaitu Kesedaran Diri, Kawalan Diri, Motivasi, Empati dan Kemahiran Sosial. Selain daripada kecerdasan emosi, tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar turut diukur oleh soal selidik yang sama. Nilai Cronbach Alfa bagi semua item yang mengukur tingkah laku dan lima jenis kecerdasan emosi melebihi 0.8 maka boleh dipercayai. Keputusan menunjukkan nilai min bagi setiap kecerdasan emosi adalah seperti berikut: Kemahiran Sosial (74.03), Kesedaran Diri (73.58), Motivasi (72.66), Empati (72.53) dan Kawalan Diri (68.10). Semua kecerdasan emosi yang dikaji menunjukkan pertalian yang sederhana dengan pencapaian akademik pelajar: Kawalan Diri ($r = 0.533$), Empati ($r = 0.529$), Motivasi ($r = 0.463$), Kemahiran Sosial ($r = 0.448$) dan Kesedaran Diri ($r = 0.406$). Apabila lima kecerdasan emosi ini dikorelasikan dengan tingkah laku pelajar, tiga mempunyai korelasi yang tinggi manakala dua lagi mempunyai korelasi yang sederhana. Kemahiran Sosial ($r = 0.724$), Empati ($r = 0.721$) dan Motivasi ($r = 0.718$) mempunyai pertalian yang tinggi manakala Kawalan Diri ($r = 0.697$) dan Kesedaran Diri ($r = 0.658$) mempunyai pertalian yang sederhana dengan tingkah laku pelajar.

Kata kunci: Pencapaian akademik, kecerdasan emosi, faktor kecerdasan emosi, tingkah laku pelajar, jenis-jenis kecerdasan emosi

ABSTRACT

A survey was carried out to ascertain the relationship between Emotional Intelligence and the behaviour and academic performance of secondary school students in Malaysia. A total of 100 Form 4 students of SMK Jelawat, Bachok, Kelantan were administered a questionnaire measuring the five types of emotional intelligence, namely, Self-awareness, Self-regulation, Motivation, Empathy and Social skills. In addition to the types of emotional intelligence measured, the students' behaviour and academic performance were gauged using the same questionnaires. Cronbach Alpha values for all the items measuring behaviour and all the five emotional intelligences were found to be above 0.8 and deemed reliable. The mean values obtained for each emotional intelligence measured were as follows: Social skills (74.03), Self-awareness (73.58), Motivation (72.66), Empathy (72.53) and Self-regulation (68.10). All the emotional intelligences under study correlated moderately with their academic performance: Self-regulation ($r = 0.533$), Empathy ($r = 0.529$), Motivation ($r = 0.463$), Social Skills ($r = 0.448$) and Self-awareness ($r = 0.406$). When the five emotional intelligence factors were correlated with the students' behaviour, three were found to be highly correlated while the other two only moderately. Social Skills ($r = 0.724$), While Empathy ($r = 0.721$) and Motivation ($r = 0.718$) were highly correlated with the students' behaviour self-regulation ($r = 0.697$) and Self-awareness ($r = 0.658$) were only moderately so.

Keywords: Academic performance, Emotional Intelligence, emotional intelligence factors, students' behavior, types of emotional intelligence

PENGENALAN

Adalah menjadi tugas Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memupuk pelajar memiliki kemahiran dan

keterampilan dengan melengkapkan diri pelajar dengan pelbagai kemahiran *hard & soft skills*, membina penampilan diri yang positif, memupuk pelajar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, budi bahasa dan

adab, menekankan aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan (3K) dalam pengajaran dan pembelajaran aktiviti kokurikulum, memastikan sekolah memberi penekanan keselamatan, kebersihan dan kesihatan pelajar, melipatgandakan program pembangunan insan bagi menangani gejala sosial melalui penerapan nilai-nilai murni dan memantapkan program 3K. Kategori bagus kedua-duanya dalam akhlak dan akademik amat sedikit kita dapati kini sedangkan aspirasi negara adalah untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani dan jasmani iaitu seimbang dalam EQ dan IQ.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penyelidikan dan kajian tentang kecerdasan emosi masih kurang dilakukan. Bahkan peranannya dalam pendidikan itu sendiri belum mendapat tempat yang sewajarnya bagi guru di sekolah. Mungkin guru menganggap kecerdasan emosi banyak bergantung kepada nilai-nilai dan budaya yang perlu dipupuk oleh keluarga pelajar sendiri di rumah. Maka ibu bapa adalah penyumbang besar kepada kecerdasan emosi pelajar. Namun begitu, senario hari ini pelajar lebih banyak menghabiskan masa mereka di sekolah menjadikan guru juga pemangkin kepada kecerdasan emosi pelajar. Namun begitu pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum di sekolah-sekolah Malaysia dilaksanakan secara tidak langsung dan ianya tidak dijadikan sebagai satu subjek atau perkara yang khas (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 1983). Pada kebiasaannya, beberapa andaian wujud iaitu kemahiran-kemahiran sedemikian diperolehi oleh pelajar melalui kurikulum terselindung yang disampaikan oleh guru-guru secara tidak langsung. Mungkin pada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah serta penguatkuasaan guru untuk menangani masalah disiplin. Namun begitu, terdapat beberapa mata pelajaran seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang dijadikan subjek utama bagi memenuhi perkembangan emosi yang berkesan untuk pelajar-pelajar di Malaysia.

Tanda-tanda gangguan emosi boleh dilihat dan ada di antaranya mereka tidak mahu pergi ke sekolah, ponteng sekolah atau kelas. Penyakit seperti *migraine*, sakit perut, tegang otot dapat diperlihatkan. Inilah yang berlaku apabila aspek kecerdasan emosi diabaikan. Ianya juga boleh mengakibatkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar apabila kecerdasan emosi gagal dikembangkan seiring dengan perkembangan kecerdasan kognitif. Guru-guru pula merasakan bahawa lebih baik untuk menumpukan perhatian kepada aspek kemanusiaan iaitu pengajaran yang baik yang perlu diberikan untuk pelajar daripada memikirkan perkara yang buruk atau baik tentang seseorang pelajar. Tingkah laku yang kurang menyenangkan tidak semestinya merupakan masalah disiplin, sebab ada masalah yang memerlukan bimbingan psikologi. Begitu juga terdapat gangguan peribadi pelajar yang tidak menyalahi disiplin kelas.

Sememangnya diakui mereka yang memiliki kecerdasan akal yang rendah akan mengalami masalah pembelajaran yang formal yang sesuai dengan usia mereka. Namun ada yang mempunyai kecerdasan akal yang tinggi berjaya semasa di alam persekolahan tapi kurang berjaya dalam alam pekerjaan. Tidak kurang juga mereka yang mempunyai kecerdasan akal yang sederhana namun masih berjaya menjawat jawatan penting dalam jabatan. Selama ini ramai yang menganggap bahawa jika seseorang individu itu memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang tinggi, maka individu itu akan memiliki peluang untuk meraih kejayaan yang lebih baik berbanding dengan yang lain. Bagaimanapun, terdapat banyak kes di mana seseorang yang memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang tinggi tersisih daripada orang yang memiliki tingkat kecerdasan intelektual yang lebih rendah. Ini membuktikan bahawa kecerdasan intelektual yang tinggi tidak menjamin seseorang itu akan meraih kejayaan dalam hidup.

Sebaliknya, kecerdasan emosi didapati dapat mengurangkan jurang penyisihan ini. Kecerdasan emosi boleh dikembangkan seumur hidup melalui proses pembelajaran.

Menurut Goleman (1996) kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Dengan mempunyai EQ yang tinggi seseorang dapat mengawal rasa kecewa, sedih dan perasaan negatif yang lain dengan baik. Kecerdasan emosi juga membolehkan seseorang mengawal dorongan (impulses) diri. Sekiranya seseorang menghadapi kesusahan, EQ dapat membantunya agar tetap bermotivasi dan optimistik serta menaruh harapan yang tinggi.

Kecerdasan emosi juga merupakan empati dan mengetahui bagaimana perasaan orang lain di sekeliling kita. Kecerdasan ini juga merupakan kemahiran sosial yang membolehkan seseorang dapat menyesuaikan diri dengan orang lain dan dapat mengurus perhubungan interpersonal dengan baik serta dapat memujuk dan memimpin orang lain. Menurut Goleman (1995) EQ adalah kebolehan untuk mengawasi emosi diri dan emosi pihak lain, dapat membezakan kebaikan, dan dapat menggunakan maklumat fikiran dan tindakan seseorang.

Menurut Goleman (1996) kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Dengan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi seseorang dapat mengawal rasa kecewa, sedih dan perasaan negatif lain dengan baik. Kecerdasan emosi juga membolehkan seseorang mengawal dorongan (impulses) diri. Sekiranya seseorang menghadapi kesusahan, kecerdasan emosi dapat membantunya agar tetap bermotivasi dan optimistik serta menaruh harapan untuk tetap mencapai matlamat yang telah ditentukan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijangka dapat mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dan tingkah laku seseorang pelajar. Pengukuran dimensi kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengawalan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial adalah penting untuk melihat bagaimana dimensi-dimensi tersebut boleh mempengaruhi prestasi akademik dan tingkah laku pelajar. Apabila dikenal pasti setiap dimensi kecerdasan emosi, guru-guru akan membuat perancangan lebih teliti dan bersesuaian bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sekali gus dapat membendung masalah disiplin dan tingkah laku yang tidak baik. Sebagai guru yang juga bertindak sebagai pembimbing, guru tersebut mestilah peka terhadap keperluan pelajar yang dibimbing dengan membezakan di antara kemahiran mengurus dengan mendidik. Selain daripada itu, ianya menjadi satu alternatif lain untuk menangani gejala disiplin di sekolah.

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif yang telah dikenal pasti. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Menentukan jenis kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di sekolah menengah.
2. Mengetahui hubungan antara jenis kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Meninjau tingkah laku dalam kalangan pelajar di sekolah menengah.
4. Mengetahui hubungan antara jenis kecerdasan emosi dengan tingkah laku pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan di bawah;

1. Apakah jenis kecerdasan emosi yang dimiliki oleh pelajar sekolah menengah?
2. Adakah jenis kecerdasan emosi pelajar berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah?
3. Bagaimanakah tingkah laku berbeza dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
4. Adakah jenis kecerdasan emosi pelajar berkait rapat dengan tingkah laku pelajar sekolah menengah?

DEFINISI KONSEP DAN OPERASIONAL

KECERDASAN EMOSI (EQ)

Mayer & Salovey (1997) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai satu bentuk kebolehan memantau dan meregulasikan emosi diri dan emosi orang lain, dapat membezakan antara keduanya dan boleh menguruskan maklumat itu untuk mengarah pemikiran dan tindakannya.

Goleman (1998) melalui adaptasi model EQ oleh Mayer dan Salovey mendapati bahawa kecerdasan emosi sangat penting dan berguna untuk memahami bagaimana setiap kemahiran ini berperanan dalam sesuatu bidang pekerjaan. Sehubungan itu Goleman mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk mengenal pasti emosi diri orang lain, untuk memotivasikan diri sendiri dan seterusnya mengurus emosi dalam perhubungan yang berkesan.

Bar-On (1996) mendefinisikan model kecerdasan emosi yang telah diperkenalkannya sebagai satu keupayaan yang berkaitan dengan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran-cabaran persekitarannya dengan berkesan. Model kecerdasan emosi merangkumi lima aspek utama, iaitu Kesedaran terhadap diri (Self-awareness), Keupayaan mengurus emosi diri (Self-regulation), Motivasi (Motivation), Empati (Empathy) dan Kemahiran sosial (Social skills).

KESEDARAN TERHADAP DIRI (SELF-AWARENESS)

Kesedaran terhadap diri atau sedar emosi sendiri bermakna kebolehan mengawal diri (perasaan) dalam sesuatu situasi. Kebolehan ini seterusnya dapat membantu individu untuk membuat keputusan yang tepat dan bersesuaian dengan pegangan atau nilai dirinya. Secara tidak langsung, ia juga membolehkan seseorang individu itu membuat penilaian realistik. Individu yang memiliki kelebihan ini akan sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan dirinya, bersikap terbuka apabila menerima maklum balas daripada orang lain dan bersedia untuk belajar daripada pengalaman yang dilalui. Keyakinan diri pula adalah satu sifat keberanian yang datang dengan penuh kepastian hasil daripada keupayaan terhadap kesedaran sendiri iaitu kebolehan, nilai dan matlamat diri.

KEUPAYAAN MENGURUS EMOSI DIRI (SELF-REGULATION)

Keupayaan untuk mengawal emosi diri sebenarnya terbina atas sebab kesedaran terhadap diri, emosi dan niat. Individu yang dapat mengawal emosinya mampu melaksanakan sesuatu tugas dengan mudah. Seseorang individu harus sentiasa berhati-hati dan mengelakkan sikap mudah puas hati dalam mengejar sesuatu matlamat. Keupayaan mengurus emosi juga membantu individu memulihkan kesedihan emosi dengan berkesan. Dengan itu individu yang berjaya mengurus emosi diri akan cepat bebas daripada kitaran emosi yang kritikal.

MOTIVASI (MOTIVATION)

Motivasi diri merujuk kepada kecenderungan emosi yang menggerak dan memandu ke arah pencapaian matlamat. Motivasi juga membantu kita mengambil inisiatif dan berusaha untuk memajukan diri serta tabah dalam

menghadapi kesedihan dan kekecewaan. Individu yang tinggi tahap motivasinya lebih mudah membuat sesuatu penilaian yang realistik dan tidak mudah berputus asa.

EMPATI (EMPATHY)

Satu kebolehan seseorang itu mengenali dan memahami emosi orang lain dan boleh memberi pertimbangan sewajarnya terhadap mereka. Orang lain jarang mempamerkan gangguan emosi yang dialami secara terus terang. Selalunya ia dapat disedari melalui isyarat-isyarat emosi seperti perubahan nada suara dan ekspresi wajah. Kebolehan individu merasai situasi-situasi emosi ini telah membangkitkan kesedaran emosi diri dan keupayaan mereka menguruskan situasi emosi ini. Perasaan empati ini akan memudahkan seseorang individu menjalin perhubungan dengan individu lain.

KEMAHIRAN SOSIAL (SOCIAL SKILLS)

Kemahiran sosial melibatkan kebolehan mengurus emosi orang lain dalam perhubungan dengan berkesan dan sentiasa bersedia dengan situasi-situasi sosial serta interaksi yang mesra dengan orang lain. Kemahiran ini juga memberi kelebihan kepada seseorang itu dari segi memujuk, berunding dan menyelesaikan perbalahan dengan individu lain supaya bekerjasama secara berpasukan dapat diwujudkan. Individu yang dapat menguasai kemahiran ini akan mencapai kepuasan dalam perhubungan sosialnya dan beroleh kejayaan dalam bidang yang diceburinya.

Dalam kajian ini, model kecerdasan emosi yang telah dibina oleh Mohd. Najib (2003) digunakan. Model ini terbahagi kepada dua konstruk utama iaitu Intrapersonal dan Interpersonal. Konstruk Intrapersonal mengandungi tiga elemen kecerdasan emosi, iaitu keupayaan mengenal emosi sendiri, keupayaan mengurus emosi sendiri dan motivasi sendiri. Sementara konstruk interpersonal mengandungi dua elemen kecerdasan emosi, iaitu keupayaan mengendalikan perhubungan yang berkesan dan mengenal emosi orang lain.

Dalam kajian ini kecerdasan emosi merujuk kepada keupayaan individu mengendalikan hubungan dengan orang lain (Interpersonal) dan mengendalikan emosi yang berkaitan dengan perhubungan dengan diri sendiri (Intrapersonal).

PENCAPAIAN AKADEMIK

Pencapaian akademik dalam kajian ini adalah bilangan A dalam keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi tahun 2009.

TINGKAH LAKU

Mengikut Garis Panduan Baru (Peraturan-Peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998) terdapat enam kategori kesalahan tingkah laku iaitu jenayah, berat, sederhana,

ringan dan biasa. Kesemua kesalahan ini dianggap melanggar peraturan sekolah dan disiplin pelajar.

Kementerian Pelajaran telah menetapkan polisi untuk sekolah-sekolah melaksanakan program, aktiviti serta tindakan yang berkaitan dengan disiplin agar ia dapat mengawal tingkah laku pelajar mengikut peraturan dan kehendak Kementerian Pelajaran dan Ordinan Pelajaran 1957. Pihak sekolah diminta untuk menetapkan dan menentukan apa yang diharapkan daripada pelajar dan apa yang dilarang dengan menggariskan peraturan di sekolah masing-masing mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975. Pekeliling ini menjadi asas dan panduan kepada peraturan yang harus disediakan di peringkat sekolah. Pengetua dan guru besar boleh mempertimbangkan untuk memasukkan peraturan lain mengikut kesesuaian sekolah masing-masing. Perkara yang paling penting semasa menggubal sebarang peraturan adalah memastikan peraturan tersebut jelas, dikuatkuasakan serta dilaksanakan secara adil dan saksama. Peraturan juga harus diumumkan kepada setiap warga sekolah dan dipatuhi oleh mereka.

TEORI KECERDASAN EMOSI

Kecerdasan emosi merupakan kebolehan seseorang individu menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka seharian. Menurut Yunus (2005) kecerdasan merujuk kepada kebolehan kognitif individu yang dipelajari dari pengalaman untuk membolehkannya membuat penyesuaian diri dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Mayer & Salovey (1993) dalam Yunus (2005), kecerdasan emosi membolehkan seseorang untuk berfikir dengan lebih kreatif dan memudahkan proses penyelesaian masalah. Mereka telah membahagikan kecerdasan emosi individu kepada empat cabang kebolehan. Cabang pertama merujuk kepada persepsi emosi yang melibatkan kebolehan seperti mengenal pasti emosi melalui mimik muka, cerita dan sebagainya.

Cabang kedua merujuk kepada memudahkan perhatian terhadap emosi. Ia melibatkan kebolehan mengaitkan emosi dengan sensasi mental lain seperti rasa dan warna dan menggunakan emosi dalam menaakul dan menyelesaikan masalah. Cabang ketiga pula merujuk kepada memahami emosi yang melibatkan kebolehan menyelesaikan masalah emosi seperti mengetahui emosi mana yang serupa atau bertentangan dan mengenal pasti apakah perkaitan yang wujud antara emosi terbabit. Cabang keempat merujuk kepada pengurusan emosi yang melibatkan pemahaman terhadap implikasi perbuatan social dalam emosi dan pengawalan emosi dalam diri orang lain.

Dalam dunia akademik kecerdasan emosi mula diperkenalkan oleh Salovey & Mayer pada tahun 1990 yang mencadangkan bahawa ianya mengandungi gabungan ciri-ciri interpersonal dan intrapersonal. Bagi mereka kecerdasan emosi ialah kemampuan untuk mengenal pasti makna emosi, melibatkan keupayaan

menanggapi emosi, menyesuaikan perasaan berkaitan emosi, memahami maklumat berkaitan emosi tersebut dan berupaya menguruskannya.

Goleman (1998) dalam Maizatulkamam (2007) mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai kebolehan untuk mengenal pasti emosi diri sendiri dan orang lain, untuk memotivasikan diri kita dan menguruskan emosi dengan baik dalam diri sendiri serta membina hubungan antara perseorangan yang dapat dikategorikan kepada lima dimensi: Kesedaran diri (self-awareness), Kawalan diri (self-regulation), Motivasi diri (motivation), Empati (empathy) dan Kemahiran sosial (social skills).

KAJIAN LAMPAU

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian lepas yang telah dijalankan berhubung dengan aspek kecerdasan emosi (EQ). Tinjauan kajian ini meliputi kajian-kajian tempatan dan kajian luar negara. Kajian-kajian tempatan yang telah dijalankan merangkumi bidang sosial, kepimpinan dan pendidikan. Manakala kajian luar negara banyak menumpukan kepada aspek pengurusan dan kepimpinan organisasi serta bidang pendidikan.

KAJIAN DALAM NEGARA

Meriam (2004) telah menjalankan satu kajian tentang hubungan kecerdasan emosi dalam melaksanakan kerja kursus dalam kalangan guru pelatih KDPM. Kajian dijalankan dengan 103 orang responden dari kalangan guru pelatih KDPM Semester 2, 3 dan 5 daripada Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi (Korelasi Bivariate) untuk menganalisis data yang didapati melalui soal selidik. Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik yang sebahagiannya diolah sendiri oleh beliau. Terdapat 37 soalan bagi mengkaji kolerasi di antara kecerdasan emosi dengan sikap dalam melaksanakan Kerja Kursus Berasaskan Ilmu (KKBI).

Hasil kajian mendapati wujudnya korelasi positif yang kuat di antara sikap dalam melaksanakan KKBI dengan kecerdasan emosi responden. Hasil kajian juga menunjukkan majoriti guru-guru pelatih itu dikenal pasti cenderung kepada sikap bersederhana sahaja terhadap pelaksanaan KKBI, seiring dengan kecenderungan kecerdasan emosi yang juga didapati pada tahap sederhana. Bagi aspek kecenderungan amalan sikap, 84 orang (81.55%) responden bersikap sederhana, 17 orang (18.51%) bersikap positif dan dua orang (1.94%) bersikap negatif. Manakala bagi aspek kecerdasan emosi, kesemua komponen mencatat bilangan paling ramai pada tahap sederhana iaitu komponen kawalan diri seramai 83 orang (80.58%), kesedaran diri 80 orang (77.67%), kemahiran sosial 61 orang (59.22%) dan pengurusan diri seramai 60 orang (58.25%). Ini menunjukkan bahawa guru pelatih, walaupun tidak bersikap negatif, hanya

cenderung bersikap sederhana sahaja. Analisis korelasi Spearman menunjukkan wujudnya hubungan yang kuat di antara kedua-dua pemboleh ubah bebas iaitu sikap dan kecerdasan emosi. Hubungan ini disokong oleh peratusan yang tinggi responden yang memiliki kecenderungan kecerdasan emosi sederhana, selari dengan keputusan yang didapati untuk pemboleh ubah sikap.

Maizatulkamam (2007) telah mengkaji perkaitan di antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tahap delinkuen pelajar di SMK Sri Rahmat. Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran sains tulen, teknikal, perakaunan dan sastera di SMK Sri Rahmat. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu penyelidikan dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Sampel yang dipilih terdiri daripada 166 orang pelajar tingkatan empat untuk mewakili seluruh populasi pelajar tingkatan 4, SMK Sri Rahmat.

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap hubungan dalam keluarga adalah sederhana dengan min bagi item sebanyak 3.67. Pengaruh rakan sebaya menunjukkan taburan min responden berada pada tahap sederhana iaitu 3.24. Tahap kecerdasan emosi pelajar juga menunjukkan taburan min responden dalam aspek kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap sederhana iaitu 3.34. Bagi melihat hubungan kecerdasan emosi, pengaruh rakan sebaya dan hubungan keluarga dengan tingkahlaku delinkuen, dua kaedah telah digunakan. Kaedah pertama adalah dengan memisahkan responden kepada dua kumpulan berdasarkan skor median tingkahlaku delinkuen (median = 36). Kaedah ini digunakan untuk melihat perbezaan antara pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang rendah bagi pemboleh ubah yang difokuskan. Berdasarkan nilai median dari jumlah keseluruhan, responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan bagi aspek tingkahlaku delinkuen iaitu kumpulan yang mempunyai tingkahlaku delinkuen tinggi dan kumpulan yang mempunyai tingkahlaku delinkuen yang rendah. Pembahagian ini adalah berdasarkan nilai median bagi tingkahlaku delinkuen iaitu 36. Dari ini nilai min telah diperolehi bagi kumpulan tingkahlaku delinkuen tinggi dan tingkahlaku delinkuen rendah untuk melihat perbezaan dari aspek hubungan keluarga, rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi. Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengaruh hubungan keluarga dan tahap kecerdasan emosi dengan tahap tingkahlaku delinkuen rendah dan tingkahlaku delinkuen tinggi. Ini menunjukkan majoriti pelajar masih menjalani kehidupan kekeluargaan yang sederhana rapat serta menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang positif dan pengaruh rakan sebaya yang harmonis. Peratus pelajar SMK Sri Rahmat yang terlibat dengan tingkahlaku delinkuen secara keseluruhannya adalah rendah. Kebanyakan pelajar terlibat dengan aktiviti ponteng sekolah, ponteng kelas, melepak dan datang lewat. Bagi kes-kes disiplin yang lebih tegar

seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mencuri, bawa senjata ke sekolah, mencabul kehormatan dan lain-lain tidak menunjukkan peratus keterlibatan pelajar yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen iaitu semakin rendah hubungan di antara ahli keluarga dengan pelajar maka semakin tinggi kecenderungan pelajar bertingkah laku delinkuen. Kecerdasan emosi turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen. Semakin rendah tahap kecerdasan emosi pelajar maka semakin tinggi kecenderungan bertingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar.

Pengaruh rakan sebaya pula tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Dalam kajian ini juga didapati bahawa terdapat perkaitan di antara kecerdasan emosi dengan hubungan dalam keluarga di mana semakin tinggi kecerdasan emosi pelajar maka semakin rendah kecenderungan mereka bertingkah laku delinkuen.

Mohd. Najib (2000) dalam satu kajiannya mengenai kestabilan emosi guru di peringkat latihan perguruan yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Guru 2000 pada 4 Mei 2000 di Kota Kinabalu, Sabah mendapati bahawa terdapat ketidakseimbangan dalam kategori kecerdasan emosi. Tahap keupayaan motivasi sendiri dan mengenal emosi sendiri berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding keupayaan mengendalikan perhubungan.

Kajian yang dijalankan oleh Reimy Suriani (2001) di 10 buah fakulti yang terdapat di UTM, Skudai yang mana bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dan permasalahan pelajar UTM, Skudai pula mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi seseorang tidak semestinya disebabkan oleh masalah yang mereka hadapi. Beliau mendapati bahawa hubungan di antara kecerdasan emosi dengan permasalahan pelajar adalah sangat lemah. Ini bermakna seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi tidak semestinya mereka tidak mempunyai masalah dan begitu juga seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah tidak semestinya mereka mempunyai masalah yang tinggi.

Mohd. Najib, Azizi & Yusof (2002) dari UTM, Skudai telah menjalankan kajian berhubung dengan tahap kestabilan emosi dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan. Seramai 65 orang responden dari kalangan pelajar dan pensyarah yang terlibat. Analisis utama kajian adalah untuk menguji instrumen, diikuti dengan perbandingan tahap-tahap emosi antara pensyarah dan pelajar dan analisis temu bual untuk menerangkan kaedah kestabilan emosi. Keputusan bagi menguji instrumen menunjukkan hampir kesemua responden memberikan maklum balas yang baik terhadap kategori-kategori dalam mengukur tahap EQ. Perbezaan hanya berlaku dari segi kaedah dan cara responden menstabilkan emosi.

Mohd. Najib, Azizi & Yusof (2002) turut menjalankan kajian perbandingan kecerdasan emosi di antara pelatih perguruan di peringkat ijazah pertama dengan ijazah lanjutan. Kajian ini melibatkan seramai 615 orang pelatih perguruan dari tujuh buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu UTM, UKM, UM, UPM, UIA, UPSI dan USM. Dapatan kajian menunjukkan kestabilan emosi berdasarkan tanggapan pelajar terhadap diri mereka menunjukkan tahap baik iaitu pada nilai min sekitar 4.0. Walau bagaimanapun masih terdapat segelintir pelajar yang menyatakan mereka kekurangan dari segi mengenal emosi sendiri, memotivasikan diri sendiri, mengenal emosi orang lain, menguruskan emosi orang lain terutama dari segi mengurus emosi sendiri. Keputusan menunjukkan para pelajar harus meningkatkan lagi keupayaan mengurus emosi sendiri. Perbandingan antara IPT mendapati pelatih perguruan dari UM, UIA dan UPM mempunyai tahap kestabilan emosi yang lebih tinggi.

Satu kajian tinjauan terhadap kecerdasan emosi murid-murid sekolah rendah telah dilakukan oleh Liew, Gan & Sia (2002). Tinjauan ini menghuraikan tahap EQ dalam kalangan murid-murid Tahun Lima di 10 buah sekolah rendah di kawasan Miri yang berjumlah 416 orang. Kajian ini ditadbir menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen Goleman (1995). Hasil kajian menunjukkan taburan EQ meliputi semua tahap iaitu 71.9% daripada jumlah sampel berada pada tahap yang memuaskan atau tinggi, 21.4% di tahap kecerdasan sederhana dan hanya 6.7% sahaja berada pada tahap EQ yang amat rendah. Dari segi jantina pula, didapati murid-murid perempuan iaitu 71.9% daripada 210 orang mempunyai tahap EQ yang memuaskan berbanding dengan murid-murid lelaki iaitu 65.6% daripada 206 orang. Analisis dari segi konstruk EQ mendapati lebih kurang 50% daripada sampel menunjukkan kurangnya kemahiran dalam pengurusan emosi, kemahiran sosial dan kawalan diri. Sampel kajian hanya menunjukkan tahap yang memuaskan dalam konstruk motivasi dan kesedaran diri.

Fatimah & Azaman (2006) menyatakan bahawa kajian yang bertujuan untuk melihat hubungan di antara kefungsi keluarga dan personaliti dengan tingkah laku delinkuen remaja ini telah dijalankan pada tahun 2003 dengan menggunakan kaedah tinjau selidik. Subjek kajian terdiri daripada tujuh puluh lima orang pelatih lelaki dari Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Sekolah Tunas Bakti (perempuan) Sungai Lereh, Melaka. Semua institusi ini adalah di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Umur subjek kajian adalah di antara 12 hingga 18 tahun.

Alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur kefungsi keluarga ialah Family Adaptability and Cohesion Scale III (FACES III) ciptaan Olson, Bell & Lavee (1983). Untuk kegunaan di Malaysia alat ini telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu. FACES III mengandungi 20 item yang direka bentuk untuk mengukur dua

dimensi utama kefungsiannya keluarga iaitu kesepaduan dan kebolehsuaian. FACES III adalah berdasarkan Model Kefungsiannya Keluarga *Circumplex* yang mengandungi tiga dimensi tingkah laku keluarga iaitu kesepaduan, kebolehsuaian dan komunikasi. Ia mengukur bagaimana ahli keluarga mempersepsikan keluarga mereka dan bagaimana mereka inginkan cara keluarga mereka berfungsi. *Six Factors Personality Questionnaire* (SFPQ) pula telah digunakan untuk mengukur personaliti. Alat ukuran ini dicipta oleh Jackson, Paunonen & Tremblay (1996 dlm. Fieldman 2000). SFPQ digunakan untuk mengukur enam dimensi personaliti iaitu keterbukaan, *methodicalness*, *industriousness*, ekstrasvesi, kebersetujuan dan kemandirian yang tiap-tiap satunya mengandungi tiga skala *facet* dengan menggunakan sebanyak 108 item.

Keputusan yang diperolehi adalah semakin tinggi darjah kebolehsuaian dan juga kesepaduan dalam keluarga, semakin kurang kecenderungan remaja terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Hasil kajian ini secara relatifnya selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menyatakan kefungsiannya keluarga mempengaruhi tingkah laku delinkuen (contohnya Veneziano & Veneziano 1992; Anthony 1998; Azaman 2002).

KAJIAN LUAR NEGARA

Kajian yang dijalankan oleh John, David & Peter (2000) mengkaji hubungan kecerdasan emosi dengan tahap kepintaran mengikut tahap tradisi. Mereka menggunakan model Mayer & Salovey (1997) dengan menetapkan tiga kriteria untuk menentukan kecerdasan iaitu pembentukan konsep, membina hubungan dan perkembangan. Seramai 503 responden yang terdiri dari penuntut kolej sepenuh masa dengan menjawab soal selidik *The Multifactor Emotional Intelligence Scale* (MEIS). MEIS mengandungi 12 soalan yang terbahagi kepada 4 cabang kebolehan; menerima, membina, memahami dan mengurus emosi. Hasil kajian mendapati tahap kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan tahap kepintaran pelajar.

Gardner & Stough (2002) telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan di antara gaya kepimpinan dengan EQ dalam kalangan pegawai atasan (*senior level managers*). Kajian dengan 110 orang pegawai ini telah menggunakan dua alat ukur iaitu *Swinburne University Emotional Intelligence Test* untuk mengukur kepimpinan transformasi dan *Multifactor Leadership Questionnaire* bagi mengukur kepimpinan *transactional* dan *laissez-faire*. Kepimpinan yang berkesan diidentifikasi sebagai individu yang menunjukkan tingkah laku transformasi berbanding dengan tingkah laku *transactional*. Keputusan kajian menunjukkan EQ mempunyai hubungan yang tinggi ($r = 0.675$, $p < 0.01$) terhadap semua komponen kepimpinan transformasi, konstruk mengenal atau memahami emosi (luaran) dan konstruk mengurus emosi merupakan petunjuk terbaik

bagi gaya kepimpinan ini. Manakala, kepimpinan gaya *laissez-faire* berhubungan negatif dengan keseluruhan skor EQ ($r = -0.464$, $p < 0.01$).

Dalam bidang kaunseling, satu kajian berkaitan EQ telah dijalankan oleh Constantine & Gainor (2001). Kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan antara EQ dan empati terhadap kesedaran dan pengetahuan pelbagai budaya. Seramai 108 orang kaunselor terlibat dengan kajian ini. Responden dipilih secara rawak berdasarkan senarai nama dari *American School Counselor Association*. Data diperolehi melalui tiga set soal selidik iaitu *Emotional Intelligence Scale* (EIS), *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) dan *Multicultural Counseling Knowledge and Awareness Scale* (MCKAS).

Hasil kajian mendapati kaunselor yang mempunyai tahap EQ yang paling tinggi juga menunjukkan tahap pengetahuan kaunseling pelbagai budaya yang tinggi. Pengetahuan kaunselor terhadap kaunseling pelbagai budaya adalah signifikan dengan tahap empati. Kajian EQ dalam kalangan pegawai-pegawai sumber manusia turut menarik perhatian James Poon Teng & Irene Chew Keng (2003) yang menjalankan kajian dengan 101 orang pegawai yang berkhidmat di Singapura. Ujian ditadbir menggunakan soal selidik *The Emotional IQ Test* yang dibina oleh John Mayer, Peter Salovey & David Caruso.

Tujuan kajian adalah untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara tahap EQ pegawai-pegawai yang berkelulusan dari universiti tempatan dengan universiti luar negara. Menurut kajian, sesetengah majikan memberikan peluang yang lebih baik kepada individu yang berkelulusan dari universiti luar negara dalam permohonan sesuatu jawatan serta mereka ini dikatakan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Kajian ingin melihat bagaimana latar belakang pendidikan mempengaruhi tahap EQ mereka.


Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan di antara latar belakang pendidikan dengan tahap EQ pegawai-pegawai. Tahap EQ individu yang berkelulusan luar negara didapati lebih tinggi berbanding dengan individu yang berkelulusan tempatan. Selain itu, hasil kajian ini mendapati tahap EQ pegawai lelaki lebih tinggi daripada pegawai wanita terutama dalam keupayaan mengenal emosi dan mengurus emosi mereka. Sementara pegawai yang berkelulusan luar negara menunjukkan skor yang tinggi dalam keupayaan mengenal emosi dan memahami emosi mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini pada dasarnya bersifat deskriptif, kuantitatif jenis tinjauan. Maka untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pelaksanaan proses KKBI, sumber utama yang digunakan ialah dua set borang soal selidik. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk

kuantitatif, iaitu menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian lapangan. Dalam kajian lapangan, penyelidikan dilakukan dalam persekitaran semula jadi dan situasi yang realistik. Dalam kajian ini dua pemboleh ubah bersandar iaitu tingkah laku pelajar dan pencapaian akademiknya manakala kecerdasan emosi adalah pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah bebas iaitu kecerdasan emosi dikorelasikan dengan pemboleh ubah bersandar untuk melihat tahap hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.

Berdasarkan rangka teori, penyelidikan dibuat untuk mengenalpasti sama ada wujud korelasi yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar seperti pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar dengan tahap kecerdasan emosi serta melihat kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar (Rajah 1).



RAJAH 1. Hubungan antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar

SAMPEL DAN PERSAMPELAN KAJIAN

Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran sains tulen dan sastera di SMK Jelawat, Bachok, Kelantan. Jumlah populasi ialah seramai 166 orang pelajar.

Sampel yang dipilih terdiri daripada 100 orang pelajar tingkatan empat untuk mewakili seluruh populasi pelajar tingkatan 4, SMK Jelawat iaitu seramai 166 orang. Sampel terdiri daripada 44 orang pelajar lelaki dan 56 orang pelajar perempuan. Seramai 98 orang pelajar Melayu dan dua orang bukan Melayu terlibat.

INSTRUMEN KAJIAN

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini diperoleh daripada maklum balas pelajar tingkatan empat SM Jelawat dengan menggunakan soal selidik berstruktur yang telah disediakan lebih awal. Instrumen dibina untuk meninjau hubungan kecerdasan emosi dengan tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar. Soal selidik yang digunakan telah diberikan kepada

setiap responden untuk dijawab oleh mereka. Proses mengumpul data dilakukan sendiri dan disemak untuk memastikan semua soal selidik dijawab oleh responden. Soal selidik yang digunakan dalam kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

Bahagian A: Mengandungi item-item berkaitan latar belakang responden. Ini termasuklah jantina, tingkatan dan pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu bilangan A.

Bahagian B: Mengandungi item-item yang mengukur tingkah laku dan lima jenis kecerdasan emosi pelajar.

Tingkah laku yang diukur dengan 32 item, C1 - C32 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.876. Setiap jenis kecerdasan emosi diukur dengan 20 item. Kesedaran Diri, D1-D20 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.655; Kawalan Diri, E1-E20 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.806; Motivasi Diri, F1-F20 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.876; Empati, G1-G20 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.872 dan Kemahiran Sosial, H1-H20 mempunyai nilai Cronbach Alfa 0.880. Nilai Cronbach Alfa bagi tingkah laku dan lima jenis kecerdasan emosi pelajar cukup tinggi dan instrument yang digunakan cukup konsisten dan boleh dipercayai.

ANALISIS DATA


Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*). Statistik kekerapan menggunakan min dan peratus serta korelasi digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh tersebut.

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan di bawah;

1. Apakah jenis-jenis kecerdasan emosi yang dimiliki oleh pelajar sekolah menengah?
Jenis kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar dibandingkan mengikut nilai min masing-masing. Susunan kecerdasan emosi pelajar mengikut tertib nilai min yang menurun adalah seperti berikut (Jadual 1 & Rajah 2): Kemahiran Sosial (74.03), Kesedaran Diri (73.58), Motivasi Diri (72.66), Empati (72.53) dan Kawalan Diri (68.10).

JADUAL 1. Jenis Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar

	N	Min	Sisihan Piawai	t	Sig. (2-tailed)
KesDiri	100	73.58	11.03	66.698	.000
KaDiri	100	68.10	10.04	67.823	.000
MotDiri	100	72.66	11.33	64.126	.000
Empati	100	72.53	11.59	62.574	.000
KemSo	100	74.03	11.43	64.765	.000



RAJAH 2. Min bagi Setiap Jenis Kecerdasan Emosi


- Adakah jenis kecerdasan emosi pelajar berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah? Statistik korelasi dijalankan bagi setiap jenis Kecerdasan Emosi dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah iaitu bilangan A dalam PMR. Dengan panduan berikut, pekali korelasi Pearson, r ditafsirkan sebagai pertalian rendah, sederhana ataupun tinggi.
 0.01-0.40 pertalian rendah
 0.41-0.70 pertalian sederhana
 0.71-1.00 pertalian tinggi

Semua jenis kecerdasan emosi pelajar mempunyai hubungan yang sederhana sahaja dengan pencapaian akademik pelajar (Jadual 2 & Rajah 3). Susunan kecerdasan emosi pelajar mengikut tertib nilai r yang menurun adalah seperti berikut: Kawalan Diri ($r = 0.533$), Empati ($r = 0.529$), Motivasi Diri ($r = 0.463$), Kemahiran Sosial ($r = 0.448$) dan Kesedaran Diri ($r = 0.406$).

JADUAL 2. Korelasi Antara Jenis Kecerdasan Emosi Pelajar dan Pencapaian Akademik Pelajar

	KesDiri	KaDiri	MotDiri	Empati	KemSo
Pencapaian Akademik	.406	.533	.463	.529	.448

- Bagaimanakah tingkah laku berbeza dalam kalangan pelajar sekolah menengah? Tingkah laku pelajar sekolah menengah berbeza mengikut taburan normal atau bentuk loceng dengan min 116.64 dan sisihan piawai 15.766.
- Adakah jenis kecerdasan emosi pelajar berkait rapat dengan tingkah laku pelajar sekolah menengah? Statistik korelasi dijalankan bagi setiap jenis Kecerdasan Emosi dengan tingkah laku pelajar di sekolah. Dengan panduan berikut, pekali korelasi Pearson, r ditafsirkan sebagai pertalian rendah, sederhana ataupun tinggi.
 0.01-0.40 pertalian rendah
 0.41-0.70 pertalian sederhana
 0.71-1.00 pertalian tinggi



RAJAH 3. Taburan Tingkah Laku Pelajar

Berdasarkan nilai pekali korelasi Pearson r, Kemahiran Sosial ($r = 0.724$), Empati ($r = 0.721$) dan Motivasi Diri ($r = 0.718$) menunjukkan pertalian yang tinggi dengan tingkah laku pelajar. Manakala Kawalan Diri ($r = 0.697$) dan Kesedaran Diri ($r = 0.658$) mempunyai pertalian yang sederhana sahaja dengan tingkah laku pelajar (Jadual 3).

JADUAL 3. Korelasi Antara Jenis Kecerdasan Emosi Pelajar dan Tingkah Laku Pelajar

	KesDiri	KaDiri	MotDiri	Empati	KemSo
Tingkah laku pelajar	.658	.697	.718	.721	.724

BATASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan bilangan Gred A dalam PMR sebagai ukuran pencapaian akademik pelajar. Seramai 40 orang daripada 100 orang pelajar yang terlibat dalam kajian gagal mendapat sebarang A. Oleh yang demikian, taburan pencapaian akademik pelajar bukan berbentuk normal. Ini mungkin menyumbang kepada pertalian yang sederhana di antara kecerdasan emosi pelajar dan pencapaian akademik mereka. Ukuran pencapaian akademik lebih tepat diperolehi sekiranya keputusan keseluruhan PMR digunakan dengan memberikan kod-kod berikut kepada gred masing-masing dan menjumlahkan lapan mata pelajaran yang diambil. Gred A = 5, B = 4, C = 3, D = 2 dan E = 1.

KESIMPULAN

Analisis data telah menunjukkan pertalian yang sederhana sehingga tinggi di antara kecerdasan emosi pelajar dengan pencapaian akademik serta tingkah laku mereka. Keputusan ini sangat bermakna kepada ibu bapa, kaum pendidik dan pengubal dasar pelajaran.

Kecerdasan emosi dikatakan bermula sejak kecil dan dengan itu, ibu bapa memiliki peranan terpenting dalam membina kecerdasan emosi anak-anak. Mereka harus mengajar, mendidik serta membimbing anak-anak tentang kecerdasan emosi dengan memberi contoh teladan yang baik. Bagi membolehkan anak-anak memiliki kecerdasan emosi yang tinggi, ibu bapa seharusnya mengajar dan menerapkan dalam diri anak-anak beberapa aspek seperti membina hubungan, persahabatan yang baik dan harmonis, bekerja dalam kumpulan secara harmonis, berbicara dan mendengar secara efektif, mencapai prestasi yang lebih tinggi sesuai dengan aturan yang ada, mengatasi masalah dengan teman yang nakal, berempati antara satu sama lain, kemampuan untuk memecahkan atau menghilangkan masalah peribadi, ketekunan, mengatasi konflik, membangkitkan rasa humor atau jenaka, memotivasi diri apabila menghadapi saat-saat sulit dan genting, menghadapi situasi yang sulit dengan percaya kepada diri sendiri dan menjalinkan keakraban.

Adalah jelas perkara yang amat diberi perhatian di dalam sistem pendidikan negara ini adalah mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Aspek emosi dilihat sebagai mempunyai perasaan yang tenang dan berfikiran waras. Jika setiap warga memiliki perasaan yang tenang dan berfikiran waras, suasana di dalam negara juga akan aman dan harmoni tanpa diganggu dengan insiden-insiden yang kurang menyenangkan. Apa lagi jika ianya dapat menggugat keharmonian antara kaum.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian ini akan sentiasa berterusan, faktor emosi perlulah dikawal dan dijaga sentiasa. Kecerdasan emosi pelbagai etnik hendaklah sentiasa diberi penekanan dan dikawal dari kecil lagi. Begitu juga perbezaan antara gender iaitu lelaki dan perempuan.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, A. R. 2009. *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Ali, M. K. 2004. *Kompetensi Kecerdasan Emosi di dalam Bilik darjah: Satu pengalaman di MPKT*.
- Allias, M. 2004. Hubungan antara kecerdasan emosi dengan sikap dalam melaksanakan kerja kursus di kalangan guru pelatih KDPM. *Kursus Penyelidikan 12 Minggu BPG*.
- Azizi Yahya, A. S. (n.d.). *Dunia Sosial dalam Perkembangan Kognisi*. (atas talian) <http://eprints.utm.my> (2 Disember 2009).
- Bakar, M. A. 2007. Perkaitan antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Tesis Sarjana Sains Universiti Teknologi Malaysia.
- Endang Pertiwi Saady, A. H. 2009. Influence of emotional and spiritual intelligence from the national education philosophy towards language skills among secondary school students. *European Journal of Social Sciences* 9: 61-71.
- Low, G.R. & Nelson, D. B. 2005. Emotional intelligence: The role of transformative learning in academic excellence. *Texas Study Magazine for Secondary Education* (Spring).
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- James Poon Peng & Irene Chew Keng. 2003. Emotional intelligence of foreign and local university students in Singapore: Implications for manager. *Journal of Business & Psychology*. 17: 345-367.
- Jeremy R. Gray, T. S. 2002. *Emotional cognition: from brain to behavior*. John Benjamin Publishing Company. (online). <http://site.ebrary/lib/unitemlibrary/Doc?id=10022286&ppg=295>. (August 2009).
- Jose, M. M. et al. 2006. Emotional intelligence and social and academic adaptation to school. *Psicothema* 18: 112-117.
- Kamaruariffin, M. S. (n.d.). Tahap keterampilan emosi guru-guru pelatih opsyen kemahiran hidup kursus perguruan lepasan ijazah dan kursus diploma perguruan Malaysia di dua buah maktab negeri Johor. Tesis yang tidak diterbitkan.
- Kamidin, T. 2004. Pendekatan sistem mentor dalam pengurusan tingkah laku bermasalah. *Jurnal Penyelidikan MPBL* 5.
- Kayar, R.B. 2007. *Kelangsangan dalam media dan kesannya terhadap tingkah laku agresif pelajar*. (atas talian) <http://eprints.utm.my?6442/1>. (12 Februari 2009). UTM: Fakulti Pendidikan.
- Khim, P. C. 2007. Pola kecerdasan pelbagai di kalangan pelajar pintar cerdas. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Lisa Gardner, C. S. 2002. Examining the relationship between leadership and emotional intelligence in senior level managers. *Leadership & Organization Development Journal*. 23(2): 68-78.
- Matthews, B. 2005. *Developing Emotional Literacy, Equity and Coeducation*. (atas talian) <http://site.ebrary.com/lib/unitemlibrary/Doc?id=101772382&ppg=20>. (August 2009) McGraw-Hill Education.
- Mayer, D. R. 2000. Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Elsevier Science Inc*. 267-298.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R. & Salovey, P. 2000. *The handbook of emotional intelligence*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Othman, M. I. 2006. *Menangani Disiplin di sekolah*. Utusan Publications & Distributions.
- Paloma Gil-Olarte Marquez, et al. 2006. Relating emotional intelligence to social competence and academic achievement in high school students. *Psicothema* 118: 118-123.
- Rohr, B. A. 2005. Emotional intelligence: Correlates with exercise attitudes. University of Saskatchewan.
- Shahril@Charil Marzuki, Y. D. 2007. Kecerdasan emosi dan kepimpinan pendidikan dalam pembentukan sekolah berkesan. *Masalah Pendidikan* 30(1): 113-124.
- Tai, L. L. 2006. Masalah disiplin murid di salah sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Sarikei. *Kertas Seminar Penyelidikan Pendidikan*.
- Yahya, A. 2008. *Pembentukan Personaliti Remaja*. Skudai: UTM.
- Yusof, Y. 2005. Kecerdasan emosi. *Jurnal Akademik MPTAR*: 70-90.
- Chan Siok Gim, Ph. D
Rodziah Mohamad Nor
Open University Malaysia,
Kelantan.
Email: siokgimchan@yahoo.com